# SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

Laporan Tahunan 2012



# RASIONAL REKABENTUK

Bercirikan seni bentuk tradisional origami, reka bentuk Laporan Tahunan MyCC 2012 menggambarkan status Suruhanjaya sebagai sebuah organisasi yang masih berkembang. Ketelitian yang diperlukan dalam seni lipatan kertas tersebut mencerminkan komitmen MyCC dalam usaha membina blok pembangunan yang diperlukan untuk mengukuhkan landskap daya saing Malaysia. Seni origami juga menyerlahkan hasil daripada kreativiti yang dipupuk, sepertimana persaingan yang dapat diwujudkan melalui inovasi. Bagaikan burung jenjang yang sering menjadi pilihan dalam seni origami, MyCC menjunjung matlamat utamanya untuk meningkatkan persaingan di negara ini bagi membolehkan perniagaan di Malaysia melebarkan sayap mereka.



# KANDUNGAN




| | |
|---|---|
| Kata-kata Aluan Menteri | **02** |
| Perutusan Pengerusi | **04** |
| Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif | **06** |
| Berkenaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia | **10** |
| Akta Persaingan 2010 | **14** |
| Suruhanjaya Persaingan | **16** |
| Anggota Suruhanjaya | **18** |
| Struktur Organisasi | **20** |
| Detik-detik Penting | **22** |
| Ulasan Tahunan | **26** |
| MyCC dalam Berita | **40** |
| Penyata Kewangan | **43** |



# Kata-kata **Aluan Menteri**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**
Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan

Meskipun baru setahun setengah penubuhan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang bernaung di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, saya berbangga menyaksikan kejayaan Suruhanjaya dalam merintis era baru perniagaan berdaya saing di Malaysia.

Penubuhan MyCC adalah bertujuan untuk memastikan pematuhan Akta Persaingan 2010 (AP 2010), yang merupakan salah satu komponen Inisiatif Pembaharuan Strategik Persaingan, Piawaian dan Liberalisasi di bawah Program Transformasi Ekonomi. Dengan matlamat ini, Suruhanjaya memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan budaya persaingan di Malaysia.

Melalui persaingan, syarikat-syarikat di Malaysia diharapkan dapat meningkatkan kecekapan dan membangunkan inovasi dalam mengikuti perkembangan keperluan pengguna. Ini akan menggalakkan pasaran yang sihat dan mendorong pertumbuhan ekonomi di samping memastikan ekonomi kekal responsif dan berdaya saing dalam pasaran global.

Sebagai pihak berkuasa Malaysia yang bertanggungjawab atas amalan berdaya saing, MyCC telah menunjukkan inisiatif yang besar pada tahun 2012 dengan mengeluarkan Keputusan Akhir atas kesnya yang pertama selesai dan menerbitkan Garis Panduan sebagai rujukan orang awam mengenai tafsiran AP 2010 oleh Suruhanjaya.

Aktiviti-aktiviti MyCC sepanjang tahun tersebut seharusnya dilihat sebagai isyarat kepada perniagaan di Malaysia bahawa Suruhanjaya ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan segera terhadap syarikat-syarikat yang menyalahi Akta dan tiada ruang untuk sesiapapun melanggar undang-undang. Oleh itu, syarikat-syarikat perlu memberi penekanan kepada inovasi jika mereka ingin mengikuti peningkatan permintaan pengguna yang semakin canggih.

Semua aktiviti MyCC adalah diharapkan bukan sahaja dapat memastikan kesedaran semua pihak yang terlibat dengan AP 2010 akan keperluan Akta ini, tetapi juga matlamat utama undang-undang persaingan – iaitu untuk memupuk semangat persaingan antara syarikat-syarikat di Malaysia yang akan membolehkan mereka bersaing di peringkat global.

Secara keseluruhannya, MyCC mempamerkan momentum yang kukuh pada 2012 dalam pendidikan, advokasi dan penguatkuasaan AP 2010. Bagi pihak Kerajaan dan MyCC, saya ingin menegaskan bahawa tiada lagi ruang untuk amalan antipersaingan di negara ini, dan penerimagunaan aktiviti perniagaan yang lebih inovatif dan cekap akan menghasilkan pasaran yang lebih bebas dan adil bagi rakyat Malaysia.



**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**
Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan



# Perutusan **Pengerusi**

**TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB**
Pengerusi

Tuan-tuan dan puan-puan,

Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (AP 2010) pada bulan Januari 2012 menandakan titik permulaan satu era baru bagi dunia perniagaan di Malaysia. Sehubungan ini, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), sebagai badan yang menguatkuasakan Akta dan juga pendokong utama amalan persaingan di Malaysia, telah aktif beroperasi sepanjang tahun 2012 dengan adanya asas yang dibina pada tahun sebelumnya.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa penguatkuasaan AP 2010 bukanlah satu perkara yang kecil. Akta ini dijangka memainkan peranan penting dalam meningkatkan daya saing global bagi perniagaan di Malaysia. Kami percaya bahawa ia membawa petanda yang baik untuk perdagangan Malaysia dan pelaksanaan Akta ini akan meletakkan kita setaraf dengan piawaian antarabangsa.

Sebagai penjaga Akta, salah satu fungsi MyCC yang paling penting adalah untuk mengingatkan perusahaan-perusahaan di Malaysia bahawa perniagaan perlu dijalankan secara adil dan saksama. Bersaing secara sihat seterusnya akan meningkatkan kecekapan, kualiti dan standard. Dalam jangka masa panjang pula, ia menjana ekonomi yang lebih kukuh dan mampu bersaing di peringkat global.

Dengan adanya AP 2010, Kerajaan Malaysia telah menyediakan asas untuk pembangunan ekonomi yang sejajar dengan hala tuju ini. Ia turut disokong oleh beberapa pembaharuan strategik yang bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih berdaya saing melalui inisiatif di bawah Program Transformasi Nasional.

Kita perlu memahami bahawa isu-isu persaingan bukanlah berupa cabaran secara langsung. Malah, satu kajian ringkas ke atas pasaran global menunjukkan bahawa terdapat institusi-institusi besar dan sofistikated yang terlibat di dalam tingkah laku antipersaingan, dan pengawal selia di negara luar di mana undang-undang persaingannya telah lama dilaksanakan juga masih bergelut dengan isu-isu tafsiran dan penguatkuasaan.

Oleh itu, kita mesti mengingatkan diri kita sendiri bahawa kita masih berada di peringkat awal pembangunan rangka kerja antipersaingan dan masih banyak lagi yang perlu dilaksanakan. Walau bagaimanapun, tugas memastikan pasaran yang berdaya saing bukanlah usul Suruhanjaya sahaja tetapi memerlukan kerjasama semua pihak.

Dalam pada itu, adalah perlu ditekankan bahawa meskipun MyCC tidak mengawal hak-hak pengguna, Suruhanjaya masih peka dengan keperluan rakyat dalam pasaran. Atas kesedaran inilah, MyCC akan terus tegas dalam menguatkuasakan AP 2010. Penguatkuasaan ini pula akan menyokong pertumbuhan pasaran yang sihat dan entiti komersial yang teguh. Walau bagaimanapun, usaha Suruhanjaya mestilah diperkukuhkan dengan penglibatan pihak berkepentingan. Oleh yang demikian, MyCC akan terus menjalankan program-program advokasi bagi menekankan perlunya undang-undang persaingan di Malaysia. Ia bukan sahaja akan membantu mendidik pihak berkepentingan mengenai Akta, tetapi mengelakkan syarikat-syarikat daripada menggunakan alasan kekurangan pengetahuan dalam mematuhi undang-undang persaingan.

Bagaimanapun, adalah salah untuk menganggap kami bersikap antagonis terhadap perniagaan. Sebaliknya, matlamat kami adalah untuk membantu syarikat-syarikat memberi tumpuan kepada inovasi dan kecekapan, kerana mereka hanya mampu bertahan dengan prestasi yang baik.

Dengan matlamat tersebut, kami juga sentiasa merangka cara-cara untuk membantu perniagaan memahami Akta bagi membolehkan mereka mematuhinya. Salah satu daripada usaha kami, iaitu selain daripada menjalankan program advokasi, adalah penerbitan empat garis panduan pada tahun lepas: Garis Panduan Definisi Pasaran, Prosedur Aduan, Larangan Bab 1 dan 2, Buku Panduan untuk Masyarakat Awam serta risalah maklumat.

Kami akan terus mengingatkan pihak berkepentingan melalui pelbagai usaha advokasi dan perundingan awam, dengan penekanan khusus kepada isu-isu persaingan yang berkaitan dengan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan persatuan-persatuan perdagangan dan badan-badan profesional. Bidang-bidang lain yang menjadi tumpuan Suruhanjaya dalam mengorak langkah ke masa hadapan termasuklah mendidik pihak berkepentingan mengenai implikasi negatif tipuan bida.

Sebagai sebuah Suruhanjaya yang baru ditubuhkan, kami juga akan meneruskan rancangan pengembangan kami dan usaha pembinaan institusi dan kapasiti yang berterusan. Seperti mana-mana organisasi lain, tenaga kerja merupakan asas kepada kejayaan sesebuah organisasi, dan saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua kakitangan MyCC atas dedikasi dan kegigihan mereka.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan rakan-rakan seperjuangan di Lembaga Pengarah MyCC atas pandangan dan sumbangan mereka dalam memastikan Suruhanjaya ini sentiasa di landasan yang betul. Di samping itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan atas kerjasama dan sokongan mereka, serta pihak-pihak berkepentingan dan orang awam atas maklum balas dan sokongan mereka yang berterusan.

Saya percaya bahawa dengan kerjasama dan komitmen daripada semua pihak berkepentingan dan orang awam, kita akan dapat bersama-sama berusaha ke arah mencapai status negara yang berdaya saing di peringkat global.

**TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB**
Pengerusi MyCC

# Perutusan
# **Ketua Pegawai Eksekutif**



**SHILA DORAI RAJ**
Ketua Pegawai Eksekutif

Tahun pertama operasi penuh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menyaksikan pencapaian yang membanggakan sepanjang tahun 2012.

Sebagai sebuah organisasi yang masih baru, Suruhanjaya Persaingan Malaysia melangkah gagah menyahut cabaran. 12 bulan yang lalu bukan sekadar mencatatkan tahun pertama operasi penuh MyCC, tetapi menyerlahkan kegigihan usaha untuk mewujudkan rangka kerja bagi penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (AP 2010) pada 1 Januari 2012.

Antara yang paling utama ialah pengeluaran Keputusan Akhir pertama Suruhanjaya ini terhadap perjanjian antipersaingan yang dibuat oleh Persatuan Floriculturist Cameron Highlands. Tindakan pantas oleh MyCC dalam mengeluarkan Keputusan Akhir pada 6 Disember 2012 menyokong usaha Suruhanjaya dalam memupuk persekitaran perniagaan yang berdaya saing demi kebaikan ekonomi keseluruhannya.

Di samping itu, MyCC juga diberi kuasa untuk mengeluarkan garis panduan mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan, dan menjalankan kajian umum mengenai isu-isu yang berkaitan dengan persaingan di Malaysia.

Untuk tujuan ini, Suruhanjaya telah mengeluarkan empat Garis Panduan, meliputi Definisi Pasaran, Perjanjian Antipersaingan dan Prosedur Aduan, serta Penyalahgunaan Kedudukan Dominan. Garis panduan ini bertujuan untuk membantu perniagaan di Malaysia dan orang awam memahami keperluan AP 2010, supaya semua pihak boleh mematuhi dan menghargai implikasi undang-undang baru tersebut.

MyCC juga telah melancarkan Akta Persaingan 2010: Buku Panduan untuk Masyarakat Awam pada bulan Julai 2012 yang merupakan satu elemen penting dalam mendidik orang awam tentang kepentingan amalan berdaya saing.

Oleh itu, advokasi terus menjadi sebahagian besar daripada peranan MyCC dalam jangka masa sederhana, di samping usaha untuk memupuk budaya persaingan yang sihat di Malaysia serta menggalakkan perlindungan pengguna. Untuk tujuan ini, sebanyak 37 program-program advokasi telah dijalankan pada tahun lalu, termasuk seminar-seminar bagi penjawat awam dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Walau bagaimanapun, fungsi utama Suruhanjaya adalah untuk menerima aduan dan menyiasat sebarang kemungkinan pelanggaran Akta Persaingan 2010, di mana MyCC diberi kuasa untuk menentukan hasil siasatan dan mengenakan penalti sekiranya terdapat kesalahan.

Pada tahun lepas sahaja, MyCC telah menerima sebanyak 12 aduan. Sejumlahnya berada di luar bidang kuasa MyCC, sementara yang lainnya perlu disiasat. Suruhanjaya juga menerima satu permohonan untuk pengecualian blok dan dua permohonan untuk pengecualian individu. Dengan peningkatan kesedaran mengenai Akta ini di kalangan perniagaan dan orang ramai, bilangan aduan dan permintaan pengecualian dijangka akan terus bertambah.

Dalam usaha untuk memastikan kelancaran operasi Suruhanjaya dan memenuhi permintaan yang semakin meningkat daripada orang ramai, Suruhanjaya telah merancang pembinaan institusi dan kapasiti kakitangan yang berterusan. Selain daripada mengambil bahagian dalam bengkel dan latihan yang berkaitan, kakitangan kami juga akan dihantar untuk menyertai program latihan sambil bekerja dengan pihak berkuasa persaingan yang mapan di luar negara. Sementara itu, Ahli Suruhanjaya akan terus mengambil bahagian dalam sesi latihan dan lawatan sambil belajar ke Suruhanjaya lain bagi membolehkan lebih banyak perkongsian pengetahuan dan mewujudkan hubungan ke arah pembinaan kapasiti ahli Suruhanjaya dan kakitangannya.

Tahun 2013 juga akan menyaksikan lebih tumpuan diberikan oleh MyCC kepada isu-isu persaingan yang berkaitan dengan PKS, tingkah laku antipersaingan oleh persatuan-persatuan perdagangan dan badan-badan profesional, serta amalan tipuan bida.

Khususnya, kita juga melihat perlunya menumpu lebih perhatian kepada PKS, yang membentuk 97% daripada perniagaan di Malaysia, melalui advokasi untuk menghapuskan sebarang tanggapan yang Akta ini hanya akan menyekat perkembangan perniagaan mereka. Penekanan perlu diberikan bahawa Akta ini adalah demi kebaikan jangka panjang untuk semua perniagaan. Oleh itu, bukan sahaja penting bagi semua perusahaan termasuk PKS memahami Akta ini untuk memastikan pematuhannya, tetapi juga untuk memastikan kelangsungan pertumbuhan keseluruhan perusahaan mereka sendiri.

Sementara itu, perkhidmatan profesional juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan daya saing negara, memandangkan kualiti dan daya saing mereka mewujudkan kesan limpahan yang penting kepada ekonomi. Penghapusan sekatan antipersaingan dalam sektor ini bermakna pengguna berpeluang menikmati perkhidmatan yang lebih berkualiti pada kadar yang lebih baik. Oleh itu, pihak kami merancang untuk menjalankan kajian pasaran mengenai industri ini untuk menentukan sama ada amalan semasa adalah mematuhi keperluan Akta. Satu perundingan awam mengenai penemuan kajian tersebut akan diadakan untuk memastikan dialog terbuka dengan sektor ini. Kami faham persatuan-persatuan memerlukan penjelasan tentang apa yang dianggap sebagai amalan antipersaingan.

Satu lagi bidang yang akan diberi tumpuan oleh Suruhanjaya pada tahun akan datang ialah amalan tipuan bida. Penghapusan amalan ini adalah dianggap sangat penting kerana tipuan bida boleh menyebabkan peningkatan kos, mengurangkan kualiti untuk pembeli awam dan membebankan pembayar cukai. Agensi-agensi persaingan secara amnya adalah sangat komited untuk menghapuskan amalan ini dengan mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas dan khusus. Peniaga perlu diingatkan bahawa tipuan bida adalah menyalahi Akta dan mengakibatkan kesan buruk ke atas ekonomi dalam jangka panjang.

Dalam mewujudkan lebih pemahaman dan penerimaan Akta, salah satu usaha advokasi kami ialah dengan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Undang-undang Persaingan pertama di negara ini, yang dijangka akan diadakan pada bulan September 2013. Satu barisan penceramah terkenal dan pakar-pakar dari seluruh dunia akan hadir dan kita percaya bahawa ahli perundangan dan perniagaan serta agensi-agensi kerajaan akan menyedari manfaat yang bakal diperoleh daripada persidangan ini.

MyCC juga bercadang untuk menerbitkan lebih banyak bahan advokasi seperti Garis Panduan bagi Perniagaan dan Buku Panduan Pematuhan. Di samping itu, satu lagi sesi latihan media juga sedang dirancang bagi memastikan bahawa sebagai salah satu daripada pihak berkepentingan utama kami, pihak media mampu untuk menyebarkan maklumat yang tepat mengenai Akta dan bekerjasama dengan Suruhanjaya serta orang awam sebagai pemerhati dalam isu-isu persaingan.

Melangkah ke tahun baru, MyCC akan terus mara dan membuka jalan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih berdaya saing. Meskipun kami menyedari cabaran yang menanti, kami gembira menyaksikan peningkatan kesedaran mengenai Akta di negara ini. Dengan sokongan yang berterusan dan kerjasama daripada semua pihak yang berkepentingan, bukan sahaja dalam mematuhi Akta tetapi juga dalam mengenal pasti dan menangani isu-isu berkaitan, kita akan bersama-sama maju setapak lagi menghampiri matlamat untuk menjadi sebuah negara yang berdaya saing di peringkat global.

**SHILA DORAI RAJ**
Ketua Pegawai Eksekutif

# LEBIH PERSAINGAN, LEBIH PILIHAN

Pasaran yang berdaya saing menggalakkan syarikat-syarikat untuk membuat pembaharuan untuk membezakan produk mereka. Ia memberikan pilihan yang lebih banyak kepada pelanggan.



# Berkenaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) adalah sebuah badan bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 bagi menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Peranan utama Suruhanjaya ini adalah melindungi keutuhan proses persaingan bagi faedah perniagaan, pelanggan dan ekonomi secara amnya.

## Fungsi Utama Suruhanjaya

Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 memberi kuasa kepada MyCC untuk menjalankan fungsi-fungsi khusus seperti melaksana serta menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Persaingan 2010, mengeluarkan garis panduan berkaitan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan, menjadi pendukung hal ehwal persaingan, menjalankan kajian-kajian umum ke atas isu-isu berkaitan persaingan di dalam ekonomi Malaysia atau sektor-sektor tertentu ekonomi Malaysia, memaklumkan kepada orang ramai dan mendidik mereka tentang bagaimana faktor persaingan mampu memberi manfaat kepada para pengguna dan juga ekonomi Malaysia.

# Visi & Misi

## VISI

Kami adalah pihak yang berkuasa untuk menerap dan menerajui budaya persaingan yang sihat.

Kami adalah pihak berkuasa dan juga rakan kongsi yang berwibawa, boleh dipercayai serta berkecekapan dan diiktiraf dari segi kekuatan organisasi serta keupayaan bagi memperbaharui persekitaran perniagaan dari segi persaingan.

## MISI

Mewujudkan budaya persaingan sihat yang selaras dengan amalan terbaik tahap antarabangsa. Kami akan menerap serta menerajui budaya ini dengan memandu arah pihak-pihak berkepentingan dan melaksanakan undang-undang persaingan dengan berkesan tanpa keraguan atau pilih kasih.

# PERSAINGAN:
# MENCETUS INOVASI





# Akta Persaingan 2010

Dalam usaha syarikat-syarikat Malaysia untuk bersaing di peringkat global, mereka mestilah berupaya untuk bersaing di pasaran bebas dalam lingkungan domestik. Akta Persaingan 2010 (AP 2010), yang meliputi semua aktiviti perdagangan domestik dan aktiviti perdagangan luar negara yang memberi kesan terhadap pasaran Malaysia, dengan ini menggalakkan syarikat-syarikat untuk membuat pembaharuan dan bersaing dengan cara selain daripada harga.

Kini, Malaysia merupakan antara lima daripada sepuluh negara anggota ASEAN yang telah memperkenalkan undang-undang persaingan. Walau bagaimanapun, negara-negara ASEAN yang lain dijangka akan turut melaksanakan undang-undang ini dalam masa terdekat. Oleh itu, AP 2010 memainkan peranan yang penting untuk perniagaan dan pengguna dalam memastikan pasaran yang adil dan cekap. Akta ini juga memberi isyarat yang jelas kepada syarikat-syarikat bahawa amalan pasaran yang tidak adil tidak lagi boleh diterima dan mereka perlu meningkatkan cara perniagaan mereka untuk kekal relevan dalam pasaran global.

## Skop Akta Persaingan 2010

Akta ini terpakai ke atas barang-barang dan meliputi rangkaian produk seperti bangunan dan struktur lain, kapal dan kenderaan, utiliti seperti air dan pembetungan, mineral, dan pertanian dan hasil ladang. Peraturan-peraturan utama Akta itu meliputi perjanjian antipersaingan yang boleh menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran. Aktiviti-aktiviti ini, yang dilarang di dalam AP 2010, terdiri daripada, antara lain, perjanjian penetapan harga, mengawal bekalan, dan manipulasi bidaan.

Akta ini juga melarang penyalahgunaan kedudukan dominan, di mana satu atau lebih perusahaan bebas menggunakan kuasanya untuk menyesuaikan harga, output atau syarat perdagangan tanpa kekangan daripada pesaing atau bakal pesaing.

Walaupun Akta menyumbang kepada perlindungan pengguna melalui promosi amalan berdaya saing, beberapa aktiviti masih berada di luar skop undang-undang tersebut, termasuk:

- Aktiviti yang melibatkan tindakan pihak berkuasa kerajaan
- Aktiviti yang dijalankan selaras dengan prinsip perpaduan
- Pembelian barang-barang atau perkhidmatan yang tidak bertujuan untuk dijual semula atau pembekalan semula
- Perjanjian atau kelakuan yang mematuhi undang-undang

- Tawar-menawar secara kolektif atau perjanjian bersama di antara majikan dan kesatuan sekerja bagi pihak pekerja
- Perkhidmatan yang melibatkan kepentingan ekonomi umum, meliputi kemudahan awam, atau yang mempunyai ciri-ciri monopoli yang menghasilkan pulangan

Selain itu, Akta ini tidak meliputi aktiviti-aktiviti komersial yang dikawal selia oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Suruhanjaya Tenaga 2001.

## Penyiasatan

MyCC boleh menyiasat sesebuah perusahaan, pesaing, pembekal, pelanggan, individu atau mana-mana perniagaan lain atau peniaga yang disyaki terlibat dalam amalan antipersaingan atau penyalahgunaan kedudukan dominan. Penyiasatan mungkin dilakukan apabila Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mengesyaki perusahaan tersebut telah melanggar Akta ini, atau hasil aduan yang dikemukakan oleh orang awam.

Aduan hendaklah diserahkan kepada Suruhanjaya menggunakan borang aduan rasmi. Semua maklumat yang diterima oleh MyCC adalah dianggap sulit.

Borang aduan boleh dimuat turun dari laman web MyCC di www.mycc.gov.my dan boleh dihantar melalui e-mel kepada complaints@mycc.gov.my.

## Pelanggaran dan Penalti

Suruhanjaya diberi kuasa untuk mengambil beberapa tindakan terhadap syarikat-syarikat yang didapati melanggar Akta tersebut. Ini termasuk meminta perusahaan untuk menghentikan pelanggaran serta-merta dan mengambil sebarang tindakan lain sepertimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

MyCC juga boleh mengenakan penalti kewangan atau memberikan apa-apa arahan lain yang dianggap sesuai. Penalti kewangan adalah tidak melebihi 10 peratus daripada perolehan seluruh dunia bagi sesebuah perusahaan sepanjang tempoh pelanggaran berlaku.

# Suruhanjaya Persaingan

Ditubuhkan pada bulan April 2011, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditugaskan untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (AP 2010) dan ia ditadbir oleh Akta Suruhanjaya Persaingan 2010. Fungsi utamanya adalah untuk melindungi proses persaingan dalam pasaran komersial demi kebaikan perniagaan dan pengguna serta ekonomi secara keseluruhan.

Pejabat MyCC telah mula beroperasi sejak 1hb Jun 2011. Untuk menyokong usaha MyCC dalam melaksanakan fungsinya, MyCC telah menubuhkan enam jawatankuasa kerja yang setiap satunya diketuai oleh anggota Suruhanjaya. Jawatankuasa tersebut juga terdiri daripada wakil-wakil sektor awam dan swasta.

Enam jawatankuasa tersebut ialah:

- Jawatankuasa Kewangan dan Perolehan
- Jawatankuasa Sumber Manusia
- Jawatankuasa Advokasi
- Jawatankuasa Publisiti dan Komunikasi
- Jawatankuasa *Internal Guidelines*
- Jawatankuasa *External Guidelines*

## Anggota Suruhanjaya

MyCC adalah terdiri daripada seorang Pengerusi dan wakil-wakil kerajaan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Peguam Negara dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. MyCC juga mempunyai lima orang anggota daripada sektor swasta.

Secara keseluruhannya, anggota-anggota Suruhanjaya mewakili bidang undang-undang, ekonomi, sektor korporat, industri, perdagangan, pentadbiran awam serta persaingan dan perlindungan pengguna.

## Kuasa MyCC

MyCC ditadbir oleh Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, yang memberi kuasa kepada MyCC untuk memastikan pematuhan AP 2010, menyiasat aduan terhadap tingkah laku antipersaingan, menjalankan kajian semula pasaran dan mengenakan penalti ke atas syarikat yang didapati melanggar undang-undang persaingan.

Ia juga boleh mengenakan fi atau caj untuk perkhidmatan yang diberikan, bekerjasama dengan mana-mana perbadanan atau agensi kerajaan dan meminta maklumat daripada perusahaan bagi membantu pelaksanaan fungsinya, menjalankan tugas berkaitan fungsi dan kuasanya, serta menyediakan pinjaman, biasiswa dan gaji pendahuluan kepada kakitangannya.

# Anggota Suruhanjaya



**Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob**
**Pengerusi**
Mantan Hakim Besar Malaya; pernah berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Persekutuan



**Dato' Saripuddin Kasim**
**Ketua Setiausaha**
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan



**Tan Sri Abdul Gani Patail**
**Peguam Negara Malaysia**



**Tan Sri Dato' Dr Michael O.K. Yeoh**
**Ketua Pegawai Eksekutif**
Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI)



**Prof Dato' Dr S. Sothi Rachagan**
**Naib Presiden (Hal Ehwal Akademik)**
Universiti Nilai



**Prof Datin Dr Hasnah Haron**
**Dekan**
Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan
Universiti Sains Malaysia



**Datuk Dr Rahamat Bivi Yusoff**
Ketua Pengarah
Unit Perancangan Ekonomi



**Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan
Antarabangsa dan Industri



**Ragunath Kesavan**
Peguam
Bekas Presiden Majlis Peguam
Malaysia



**Abd Malek Ahmad**
Pengarah Eksekutif
sebuah firma IT dan animasi 3-D

# Struktur Organisasi

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

- **Pengerusi & Anggota Suruhanjaya**
  - **Ketua Pegawai Eksekutif**
    - Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan
    - Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
    - Unit Undang-undang
    - Bahagian Perkhidmatan Pengurusan
    - Unit Komunikasi Korporat

# INOVASI MELALUI PERSAINGAN

Persaingan menggalakkan syarikat-syarikat untuk meningkatkan kualiti produk mereka melalui inovasi. Ia menarik pelanggan melalui rangkaian produk yang lebih pelbagai dan lebih baik, di samping membantu perniagaan untuk berkembang dan mengukuhkan kewangannya.



# Detik-detik Penting

**Okt 2005**

- 26hb Oktober: Kabinet meluluskan draf akhir Dasar Amalan Perdagangan Adil (FTPP).
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) membentuk CG25, sebuah kumpulan perundingan terdiri daripada agensi-agensi utama kerajaan, dewan-dewan, persatuan-persatuan dan ahli-ahli masyarakat awam untuk membincangkan aspek draf rang undang-undang berdasarkan FTPP. Sesetengah draf aspek rang undang-undang tersebut telah dikaji semula berikutan maklum balas yang dikumpul hasil perundingan dengan CG25.

**Sept - Okt 2009**

- Perjumpaan dengan pihak-pihak berkepentingan untuk membincangkan perubahan terakhir FTPP, dengan tumpuan utama diberikan kepada persaingan.

**Apr 2010**

- 2hb April: Kabinet meluluskan dasar dan rang undang-undang baru.
- 12hb April: Dasar dan rang undang-undang baru dibentangkan dan dibaca di Dewan Rakyat.

**Jun 2010**

- 2hb Jun: Akta Persaingan 2010 menerima Perkenan Diraja.
- 10hb Jun: Akta Persaingan 2010 telah diwartakan. Satu tempoh kelonggaran selama 18 bulan diberikan kepada syarikat-syarikat untuk mematuhi undang-undang baru dan kepada KPDNKK untuk menubuhkan Suruhanjaya Persaingan.

**Sept 2010**

- KPDNKK menubuhkan sebuah unit persaingan sementara untuk membuat persediaan bagi penubuhan Suruhanjaya. Selain itu, sebuah jawatankuasa persaingan pelaksanaan ditubuhkan untuk menyelenggarakan program awal unit persaingan sementara, termasuk pembentukan Suruhanjaya dan menjalankan program-program advokasi.

## Feb - Apr 2011

- Sebuah Makmal Persaingan telah ditubuhkan untuk menilai isu-isu yang boleh mempercepatkan pelaksanaan Akta Persaingan 2010. Makmal ini terdiri daripada ahli-ahli sepenuh masa dan separuh masa daripada sektor awam dan swasta.
- 1hb April: Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Persaingan.

## Mei 2011

- 1hb Mei: Sembilan orang telah dilantik sebagai anggota Suruhanjaya.

## Jun 2011

- Shila Dorai Raj dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya. Pegawai Suruhanjaya lain juga telah dilantik.

## Dis 2011

- Suruhanjaya menerbitkan tiga garis panduan dan menjalankan enam perundingan awam untuk menilai maklum balas daripada pihak-pihak berkepentingan.

## Jan 2012

- Akta Persaingan 2010 mula berkuatkuasa.

## Mei 2012

- 2hb Mei: Penerbitan garis panduan mengenai Prosedur Aduan, Definisi Pasaran dan Perjanjian Antipersaingan.

## Jul 2012

- 16hb Julai: Pelancaran Buku Panduan untuk Masyarakat Awam.
- 16hb Julai: Suruhanjaya menjalankan kajian pasaran ke atas pasaran ayam daging tempatan.
- 23hb Julai: Siasatan dimulakan terhadap Persatuan Floriculturist Cameron Highlands (CHFA) atas isu penetapan harga.
- 26hb Julai: Penerbitan garis panduan mengenai Penyalahgunaan Kedudukan Dominan.

## Okt 2012

- 24hb Oktober: Pengeluaran Cadangan Keputusan terhadap CHFA kerana menyalahi Seksyen 4 (2) Akta tersebut.

## Dis 2012

- 6hb Disember: Pengeluaran Keputusan Akhir terhadap CHFA.

# MEMBINA
# PERNIAGAAN INOVATIF



Undang-undang Persaingan menggalakkan inovasi dalam pasaran. Sebuah perniagaan yang inovatif adalah perniagaan yang mampan dan mampu menawarkan pelbagai pilihan produk atau perkhidmatan kepada pelanggan. Syarikat-syarikat yang mampu bersaing di pasaran tempatan juga dapat bersaing dengan lebih baik di peringkat global.



# Ulasan Tahunan

## Mengimbas Kembali

Sebagai tahun pertama Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) beroperasi secara penuh, tahun 2012 merupakan tempoh yang aktif bagi Suruhanjaya, tambahan pula dengan mulanya penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (AP 2010) pada 1hb Januari 2012.

Di samping menjalankan fungsi-fungsi utama Suruhanjaya dalam menguatkuasakan Akta ini, kebanyakkan aktiviti-aktiviti MyCC pada tahun ini tertumpu kepada menjalankan program-program advokasi untuk mempromosi undang-undang persaingan di Malaysia.

## Advokasi

Berikutan pelancaran pelan strategi advokasi dua tahun MyCC pada tahun 2012, Suruhanjaya telah berjaya melaksanakan sebanyak 37 program advokasi sepanjang tahun ini, yang melibatkan sektor awam dan swasta melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan di seluruh negara. Bilangan program yang diadakan juga menjangkaui bilangan 20 program yang pada mulanya dirancang untuk tahun ini.

Program-program advokasi tersebut menyaksikan Suruhanjaya berusaha mendekati spektrum pihak berkepentingan dalam undang-undang persaingan, yang meliputi wakil-wakil daripada badan kehakiman, pihak kerajaan dan sektor swasta.

Program-program ini juga termasuk seminar dua hari bertemakan Tipuan Bida bersama agensi-agensi Kerajaan yang diadakan pada bulan September serta satu sesi ceramah untuk perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dianjurkan secara bersama oleh Suruhanjaya dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp Malaysia).



*Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Norma Yaakob (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj*

Antara acara kemuncak pelan strategi advokasi untuk tahun ini termasuklah *the 7th East Asia Conference on Competition Law and Policy (7th EAC)* dan *the 8th East Asia Top Level Officials' Meeting (8th EATOP) Programme*. Suruhanjaya menganjurkan program ini dengan kerjasama Institut Bank Pembangunan Asia (ADBI) dan Suruhanjaya Perdagangan Adil Jepun (JFTC). Program ini telah diadakan di Kuala Lumpur dan merupakan kali pertama Malaysia menjadi tuan rumah bagi EATOP dan kali kedua bagi EAC.

Program EAC dan EATOP yang diadakan pada 2hb dan 3hb Mei 2012 tersebut memberi tumpuan kepada isu-isu yang berkaitan kartel dan kaedah untuk memeranginya. Kartel dilihat sebagai elemen utama dalam menghalang persaingan dalam pasaran. Oleh itu, memerangi kartel menjadi satu isu penting yang perlu ditangani oleh pihak berkuasa persaingan bagi memastikan pasaran yang berdaya saing dan amalan perniagaan yang adil.




EAC adalah terbuka kepada industri dan pakar-pakar akademik dan menerima sejumlah 250 peserta, manakala EATOP pula telah diadakan secara tertutup untuk wakil-wakil daripada setiap agensi persaingan di Asia Timur. Dianggarkan seramai 40 orang perwakilan dari Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Mongolia, Singapura, Myanmar, Vietnam, Brunei, Thailand, Indonesia, Kemboja, Laos dan Filipina telah menghadiri EATOP. Hadir pada majlis makan malam gala di mana berlangsungnya pelancaran persidangan pada 2hb Mei ialah Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, YB Datuk Rohani Abdul Karim, Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob dan Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj. Persidangan turut dihadiri oleh Pengerusi JFTC, Kazuhiko Takeshima, dan Pengarah CBT ADBI, Dr Yuqing Xing, serta lebih kurang 40 perwakilan asing dari negara-negara Asia Timur.

Di persidangan tersebut, MyCC juga diwakili oleh anggota-anggota Suruhanjaya Dato' Saripuddin Kasim, yang juga merupakan Ketua Setiausaha KPDNKK, Ragunath Kesavan, Abdul Malek Ahmad dan Prof Dato' Dr S. Sothi Rachagan.






*Semasa di "7th East Asia Conference on Competition Law & Policy" pada 2hb Mei 2012*












*Dari kiri ke kanan : Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, YB Datuk Rohani Abdul Karim, Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob dan Pengerusi JFTC, Kazuhiko Takeshima di "Majlis Gala 7th EAC & 8th EATOP" pada 3hb Mei 2012*

## Garis Panduan

Selain daripada peranan utamanya sebagai penguatkuasa Akta Persaingan 2010, MyCC mengakui bahawa tanggungjawabnya dalam mewujudkan kesedaran dan mendidik perniagaan serta orang awam mengenai undang-undang menjadi salah satu daripada fungsinya yang utama manakala undang-undang persaingan kekal sebagai elemen baru dalam landskap ekonomi Malaysia.

Sebagai menyokong fungsi ini, Suruhanjaya menerbitkan empat Garis Panduan pada tahun 2012 mengenai pemakaian dan implikasi Akta, serta mula merangka tiga lagi. Pelancaran Garis Panduan ini bertujuan untuk memastikan bahawa semua pihak yang berkepentingan memahami undang-undang dan sebagai rujukan bagaimana Akta perlu ditafsirkan. Garis Panduan ini juga membantu dalam menentukan proses pelaksanaan Akta.

Garis Panduan ini boleh didapati untuk muat turun di laman web MyCC.

Garis Panduan yang diterbitkan pada tahun 2012 terdiri daripada:

- Garis Panduan Prosedur Aduan
- Garis Panduan Definisi Pasaran
- Garis Panduan Bab 1 Larangan (Perjanjian Antipersaingan)
- Garis Panduan Bab 2 Larangan (Penyalahgunaan Kedudukan Dominan)

### Garis Panduan Prosedur Aduan

Aduan membentuk satu komponen penting kepada peranan MyCC dalam menguatkuasakan Akta, iaitu sebagai titik permulaan bagi Suruhanjaya untuk mengambil tindakan. Garis Panduan Prosedur Aduan, yang dikeluarkan pada 2hb Mei 2012, menggariskan proses aduan bagi memastikan bahawa Suruhanjaya menerima aduan melalui saluran yang sesuai. Ia juga bertujuan untuk memastikan pengadu memberikan maklumat yang relevan dan mencukupi bagi membolehkan Suruhanjaya untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.




### Garis Panduan Definisi Pasaran




Diterbitkan pada 2hb Mei 2012, Garis Panduan Definisi Pasaran mewakili satu lagi blok binaan dalam pelaksanaan undang-undang persaingan. Ini adalah kerana mendefinisikan pasaran adalah perlu dalam menentukan tahap persaingan. Oleh itu, Garis Panduan Definisi Pasaran meliputi prosedur Suruhanjaya dalam mendefinisikan pasaran, termasuk faktor-faktor yang diambil kira apabila mendefinisikan pasaran, seperti penetapan harga dan produk.

**Garis Panduan Bab 1 Larangan (Perjanjian Antipersaingan)**

Untuk membantu dalam memastikan pemahaman pasaran mengenai tindakan yang menghalang amalan perniagaan berdaya saing, MyCC telah mengeluarkan Garis Panduan Bab 1 Larangan (Perjanjian Antipersaingan). Garis Panduan ini, yang mentadbir perjanjian di antara perusahaan-perusahaan dan keputusan yang dibuat oleh persatuan-persatuan, menerangkan faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh MyCC dalam memutuskan sama ada sesuatu perjanjian itu bersifat antipersaingan. Garis Panduan ini juga menentukan jenis perjanjian yang dilarang oleh Akta kerana ia dianggap memberi kesan buruk ke atas persaingan.




**Garis Panduan Bab 2 Larangan (Penyalahgunaan Kedudukan Dominan)**




Diterbitkan pada 26hb Julai 2012, Garis Panduan Bab 2 Larangan (Penyalahgunaan Kedudukan Dominan) meliputi tafsiran Suruhanjaya berkaitan penguasaan, definisi penyalahgunaan penguasaan dan tindakan yang membentuk penyalahgunaan, keadaan penyalahgunaan dalam pasaran yang berasingan dan sama ada penyalahgunaan tersebut boleh dijustifikasikan. Garis Panduan ini juga menerangkan faktor-faktor daya saing yang lain, selain daripada bahagian pasaran, yang dipertimbangkan oleh Suruhanjaya dalam menilai penguasaan.

**Akta Persaingan 2010 : Buku Panduan untuk Masyarakat Awam**

Di samping menerbitkan Garis Panduan, Suruhanjaya juga menerbitkan Akta Persaingan 2010 : Buku Panduan untuk Masyarakat Awam pada 16hb Julai 2012, bertujuan untuk mendidik orang awam tentang kepentingan undang-undang persaingan, isu-isu utama dalam persaingan yang perlu disedari oleh orang awam sebagai sebahagian daripada hak pengguna mereka. Buku Panduan ini juga bertujuan untuk memaklumkan kepada orang awam mengenai peranan dan tanggungjawab MyCC, serta peranan yang boleh dimainkan oleh orang awam dalam menggalakkan persaingan di negara ini.









*Dari kiri ke kanan : Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Dato' Daud bin Tahir, Timbalan Menteri PDNKK, Dato' Tan Lian Hoe, Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj ketika pelancaran Akta Persaingan 2010 : Buku Panduan untuk Masyarakat Awam pada 16hb Julai 2012*



*Bersama Anggota-anggota Suruhanjaya ketika pelancaran Akta Persaingan 2010 : Buku Panduan untuk Masyarakat Awam*

## Kajian Pasaran

MyCC juga menjalankan kajian ke atas pasaran ayam daging pada tahun ini, berikutan maklum balas daripada orang awam bahawa sektor itu menunjukkan kemungkinan unsur-unsur antipersaingan. Satu laporan yang bertajuk Kajian Pasaran Ayam Daging Dalam Negeri telah mengkaji struktur pasaran dan interaksi antara perusahaan ayam daging dengan pembekal mereka di peringkat ex-farm, borong dan runcit.

Kajian Pasaran Ayam Daging Dalam Negeri *(Review of the Domestic Broiler Market)* telah dibincangkan dalam perundingan awam pada bulan Julai dan telah dibentangkan kepada KPDNKK sebagai laporan interim pada bulan Ogos.

## Nasihat Dasar

Suruhanjaya turut menawarkan nasihat dasar mengenai pelbagai isu termasuk isu perolehan, kawalan harga, sekatan masuk pasaran, perkongsian maklumat dan isu pematuhan kepada pihak kementerian dan agensi Kerajaan sepanjang tahun ini. Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang dinasihati oleh Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- Bank Negara Malaysia
- Suruhanjaya Tenaga
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- Petroliam Nasional Bhd
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
- Kementerian Pelancongan
- Persatuan Automotif Malaysia
- Kementerian Kesihatan
- Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
- Lembaga Hasil Dalam Negeri / Kementerian Kewangan

## Kes

Satu pencapaian besar MyCC pada tahun ini ialah pengeluaran Keputusan Akhirnya yang pertama, yang dikeluarkan terhadap Persatuan Floriculturist Cameron Highlands (CHFA). Suruhanjaya mengeluarkan keputusan tersebut pada bulan Disember setelah mendapati CHFA bersalah kerana melakukan penetapan harga.

Suruhanjaya juga menerima 12 aduan daripada perniagaan pada tahun 2012, selain daripada satu permintaan untuk pengecualian blok dan dua permintaan untuk pengecualian individu.

Penyelesaian Keputusan Akhir yang pertama oleh MyCC tersebut merupakan satu pencapaian penting bagi Suruhanjaya memandangkan usia penubuhannya yang masih baru. Lazimnya, sesebuah suruhanjaya persaingan yang baru ditubuhkan akan mengambil masa yang lebih lama untuk menyelesaikan sebarang kes dan mencapai sesuatu keputusan kerana sumber-sumbernya lebih tertumpu kepada advokasi dan pendidikan awam mengenai undang-undang persaingan.

Adalah juga penting untuk diingatkan bahawa masa yang diambil oleh MyCC untuk menyelesaikan Keputusan Akhirnya yang pertama tidak seharusnya dijadikan penanda aras bagi kes-kes yang akan datang. Ini disebabkan setiap kes adalah unik dan memerlukan jangka masa serta sumber yang berbeza untuk diselesaikan.

Selain itu, Suruhanjaya perlu memastikan bahawa siasatan dijalankan secara teliti, bermula dengan pengesahan kesahihan aduan hinggalah kepada pengeluaran Keputusan Akhir. Oleh itu, advokasi dan pendidikan akan terus menjadi fokus utama bagi MyCC dalam jangkamasa sederhana, supaya syarikat-syarikat dan orang awam menyedari sepenuhnya proses yang terlibat dalam mentadbir persaingan.

## Jawatankuasa Khas Persaingan

Pada tahun ini, MyCC juga telah mempelopori penubuhan Jawatankuasa Khas mengenai Persaingan, dan mengadakan mesyuarat pertama jawatankuasa tersebut pada bulan Mei dan mesyuarat kedua pada bulan Disember.

Jawatankuasa ini menyatukan wakil-wakil daripada sektor pengawal selia bagi menyokong penguatkuasaan undang-undang persaingan, membincangkan isu-isu lazim dan memastikan keselarasan dalam pelaksanaan AP 2010.

Pengawal selia yang terlibat adalah terdiri daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Bank Negara Malaysia (BNM), dan Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Di samping menyediakan satu forum untuk perbincangan dan kerjasama, Jawatankuasa ini juga berfungsi untuk memastikan bahawa syarat-syarat dan prinsip berkenaan persaingan yang diperkenalkan oleh pengawal-pengawal selia tersebut dan dikecualikan daripada AP 2010 adalah selaras dengan Akta.

## Pembinaan Institusi

Berikutan perkembangan MyCC sejak ia memulakan operasi pada 1hb Jun 2011, Suruhanjaya telah berpindah ke pejabat baru di Menara SSM@Sentral. Premis kini menempatkan pejabat-pejabat Pengerusi Suruhanjaya, Anggota Suruhanjaya dan Ketua Pegawai Eksekutif di samping Bahagian-bahagian Perancangan Strategik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Penyiasatan dan Penguatkuasaan, Perkhidmatan Pengurusan, serta Unit-unit Undang-undang dan Komunikasi Korporat.




*Pejabat baru MyCC di Aras 15, Menara SSM@Sentral*

## Laman Web

Pada tahun ini, MyCC juga telah memperbaharui laman webnya, www.mycc.gov.my. Laman web ini bertindak sebagai sumber rujukan mengenai perkara-perkara persaingan negara dan menghubungkan MyCC dengan pihak-pihak lain yang berminat dalam menyebarkan dan berkongsi maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti Suruhanjaya.




*Laman Web MyCC*

## Pembangunan MyCC

Sebagai sebahagian daripada usaha MyCC untuk melengkapkan dirinya dengan kepakaran untuk menguatkuasakan undang-undang persaingan, Suruhanjaya memulakan beberapa lawatan kerja, latihan dan mesyuarat antarabangsa sepanjang tahun ini. Penyertaan Suruhanjaya dalam aktiviti-aktiviti ini juga bertujuan untuk mengukuhkan hubungan kerjasama dan memupuk perkongsian pengetahuan antara negara-negara lain di mana undang-undang persaingan adalah lebih mantap.

Pada tahun 2012, aktiviti-aktiviti ini terdiri daripada:

### Lawatan Kerja

Sepanjang tahun 2012, dalam usaha memperbaiki hubungan rangkaian MyCC dengan pengawal selia persaingan di negara-negara lain, serta untuk membangunkan amalan terbaik Malaysia dalam undang-undang persaingan, Suruhanjaya telah menyertai lawatan kerja berikut:

- *Office of Fair Trade*, di UK, pada bulan April
- *Australian Competition and Consumer Commission, (ACCC)* di Australia, pada bulan Jun
- Lawatan belajar di bawah naungan *ASEAN Experts Group on Competition* (AEGC) ke *Federal Cartel Office, Monopolies Commission, Dusseldorf Regional High Court, Federal Network Agency, Centre for the Protection Against Unfair Competition*, di Jerman, pada bulan Oktober

### Mesyuarat Antarabangsa

Suruhanjaya mengambil bahagian dalam tujuh mesyuarat antarabangsa pada tahun 2012. Mesyuarat tersebut bertujuan untuk melengkapkan Suruhanjaya dengan kepakaran yang diperlukan bagi menjalankan tanggungjawabnya, di samping sebagai satu forum perbincangan mengenai isu-isu persaingan.

- *APEC Competition Policy and Law Group and Friends of the Chair Meeting*, di Rusia, pada bulan Februari
- *The Organisation for Economic Co-operation and Development's (OECD) 11th Global Forum on Competition (GFC)*, di Perancis pada bulan Februari
- *11th International Competition Network (ICN) Annual Conference*, di Brazil, pada bulan April
- *12th Intergovernmental Group of Experts (IGE) on Competition Law and Policy, United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)*, di Switzerland, pada bulan Julai
- *High Level Meeting on Competition*, di Indonesia, pada bulan Jun
- *7th Seoul International Competition Forum*, di Korea pada bulan September



Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memupuk kerjasama serantau dalam isu-isu yang berkaitan persaingan, Suruhanjaya juga aktif mengambil bahagian dalam mesyuarat yang diadakan oleh (AEGC) sepanjang tahun ini. Mesyuarat ini terdiri daripada:

- *9th AEGC Meeting* di Brunei, yang diadakan pada bulan April
- *10th AEGC Meeting* di Brunei, yang diadakan pada bulan November
- *AEGC Capacity Building Workshop* mengenai *"Impact and Benefits of Competition Policy and Law on Businesses in ASEAN"* di Brunei, juga diadakan pada bulan November



## Penglibatan Lain

Suruhanjaya juga mengambil bahagian atau menghantar penceramah jemputan untuk aktiviti-aktiviti berikut sepanjang tahun ini:

### Januari

- *Competition Law Training Programme* di bawah *Economic Partnership Programme* antara Jepun dan Malaysia, di Jepun

### Februari

- *1st AANZFTA-AEGC Capacity Building Workshop: Australia and New Zealand's Experiences in Implementing Competition Policy & Law*, di Thailand

### Mac

- *Consultative Workshop to Review the Draft Competition Law and the Revised Consumer Law*, di Laos
- *Technical Assistance Workshops on Modes of Enhancing the Effectiveness of Competition Policies, Regulatory Framework, and Communication Strategy, Presentation and Media* oleh *European Union Workshops*
- *Global Competition Forum, Live Law Leaders Asia-Pacific*, di Singapura
- Workshop on Investigational and Analytical Skill for *Assessing Market Power & Competitive Effects*, di Indonesia

## Jun

- *Advocacy Workshop* oleh *Australian Competition and Consumer Commission* dan *New Zealand Commerce Commission*, di Australia
- Sesi Meja Bulat bersama Profesor Richard Whish, profesor undang-undang di King's College London dan pakar dalam dasar persaingan di Kuala Lumpur

## Julai

- Sesi Meja Bulat bersama Profesor Eleanor Fox, profesor peraturan perdagangan Walter J Derenberg, New York University School of Law, pengkhususan dalam anti-monopoli, pasaran, pembangunan ekonomi dan globalisasi di Kuala Lumpur

## September

- Seminar mengenai Tipuan Bida untuk Pegawai Kerajaan *(Workshop on Bid-rigging for Public Officials)* di Putrajaya

## November

- Seminar *"Does Competition Law Help or Hinder SMEs"* yang dianjurkan secara bersama dengan SME Corp, menampilkan Dr Michael Schaper, Timbalan Pengerusi *Australian Competition and Consumer Commission (ACCC)* sebagai penceramah jemputan di Kuala Lumpur



*Dari kiri : Timbalan Pengerusi Australian Competition and Consumer Commission (ACCC), Dr Michael Schaper dan Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj*








*Majlis Iftar MyCC bersama anak-anak dari Rumah Kebajikan Al-Khausar, Bangi dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Y.B Dato' Sri Ismail Sabri sebagai tetamu terhormat*

# MyCC dalam Berita



Penetapan harga dipantau

MYCC issues proposed decision against flower association

應給中小企業適當豁免

MyCC warns financial institutions against breaking Bank Negara rules

The Act does not exclude the financial sector from the law.

Levelling the field in doing business in Malaysia

MyCC tawar geran

Buat kajian persaingan industri tempatan

MyCC hosts 2nd meeting of special committee on competition

Competition Act to promote competitive environment on level playing field

Flower growers to face action for price-fixing

MALAYSIA SME

The Devil is in the Details

Isu MAS: MyCC tumpu dua aspek siasatan

MyCC probes culling of chickens

KUALA LUMPUR: The Malaysia Competition Commission (MyCC) is looking into the culling of five million layer chickens by farmers to find out if it involved any anti-competitive elements.

The MyCC will undertake an initial information gathering process to gain a more comprehensive overview of the issues before any decision to conduct a formal investigation is made.

MyCC CEO Shila Dorai Raj said the Competition Act 2010 prohibits enterprises operating at the same level in the produc- […]

[…] prudent costs management may not be an anti-competitive conduct.

"However, if it is done in agreement with other farmers, then this may be an infringement under the Competition Act 2010," she added. — *Bernama*


Flower growers sorry for hike
Cameron Highlands group to meet Competition Commission over price-fixing issue
Ensuring no foul play in chicken prices
Gloves off in 2013 declares Competition Commission CEO
MAS, AirAsia, AirAsia X kena kemuka dokumen tambahan
MyCC mahu dapatkan penjelasan terperinci urus niaga pertukaran saham
Shila to whip 'em into line
Under competition law, information sharing between businesses is not wrong
若不影响市场竞争力 法令允商家交换资讯
MyCC接8项违反竞争法投诉
MyCC kaji punca 5 juta ayam dimusnah
More education needed on Act?
Waiver sought
MyCC siasat kemungkinan wujud salah guna kuasa monopoli
Isu penggabungan MAS-AirAsia
MyCC chairman: Probe on MAS-AirAsia share swap
MyCC terima tujuh aduan antipersaingan
Penalti kewangan 10 peratus sepanjang tempoh kesalahan
Buku Panduan Akta Persaingan 2010

# MEMBINA PERSAINGAN, MELINDUNGI PENGGUNA





# PENYATA KEWANGAN


44 Sijil Ketua Audit Negara

45 Penyata Ahli Lembaga

46 Pengakuan Berkanun

47 Lembaran Imbangan

48 Penyata Pendapatan

49 Penyata Perubahan Ekuiti

50 Penyata Aliran Tunai

51 Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 2012

Sijil Ketua
**Audit**
**Negara**

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 31 Disember 2012 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

**(NIKRUL TARMIZI BIN AWALLUDIN)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
19 OGOS 2013

# Penyata **Ahli Lembaga**

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

Kami, **TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB** dan **ENCIK ABD. MALEK BIN AHMAD** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **Suruhanjaya Persaingan Malaysia** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **Suruhanjaya Persaingan Malaysia** pada **31 Disember 2012** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

..................................................................

**TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB**
PENGERUSI
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

TARIKH: 5 Ogos 2013
TEMPAT:KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,

..................................................................

**ABD. MALEK BIN AHMAD**
ANGGOTA
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

TARIKH: 5 Ogos 2013
TEMPAT:SELANGOR

Pengakuan
# Berkanun

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA**
**YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**
**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

Saya, **SHILA DORAI RAJ**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di Petaling Jaya )
pada 0 2 AUG 2013 )

**SHILA DORAI RAJ**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
SURUHANJAYA PERSAINGAN
MALAYSIA

PESURUHJAYA SUMPAH
B 299
K. CHERIAN ABRAHAM
MALAYSIA

**PESURUHJAYA SUMPAH**

17-2, Block E1, Jalan PJU 1/42,
Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

# Lembaran **Imbangan**

bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2012

| | Nota | 2012 RM | 2011 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN | 4 | 1,115,144 | 367,679 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Deposit dan Prabayar | 5 | 218,870 | 24,038 |
| Faedah Terakru | | 162,036 | 12,450 |
| Simpanan Tetap | 6 | 18,228,440 | 3,002,795 |
| Wang Tunai dan Baki Bank | 7 | 5,973,481 | 4,161,117 |
| | | 24,582,827 | 7,200,400 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan | | 504,489 | 83,738 |
| **ASET SEMASA BERSIH** | | 24,078,338 | 7,116,662 |
| | | **25,193,482** | **7,484,341** |
| **DIBIAYAI OLEH** | | | |
| Geran Pelancaran Terkumpul | | 25,193,482 | 7,484,341 |
| | | **25,193,482** | **7,484,341** |

# Penyata **Pendapatan**

bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2012

| | Nota | 2012<br>RM | 2011<br>RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Peruntukan Kerajaan Malaysia | | 25,200,000 | 10,578,605 |
| Faedah Simpanan Tetap | 8 | 375,232 | 47,975 |
| Yuran Permohonan Pengecualian | | 200,000 | - |
| Faedah Bank | | 96,806 | 32,730 |
| Yuran Seminar | | 12,128 | - |
| Jualan Pelupusan Alat Kelengkapan / Pejabat | | 3,640 | - |
| **JUMLAH PENDAPATAN** | | **25,887,806** | **10,626,580** |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| Emolumen | | 996,290 | 407,724 |
| Perjalanan dan Penginapan | | 143,548 | 341,069 |
| Utiliti dan Komunikasi | | 65,007 | 25,426 |
| Sewa | | 734,764 | 111,241 |
| Susutnilai | 4 | 77,416 | 24,301 |
| Perbelanjaan Pentadbiran | 9 | 1,933,233 | 29,752 |
| Perbelanjaan Perkhidmatan | | 304,687 | 173,030 |
| Gaji dan Elaun Anggota Suruhanjaya | | 698,853 | 399,735 |
| Keraian, Honorarium dan Sumbangan | | 38,698 | 4,419 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 10 | 3,186,169 | 1,625,542 |
| **Jumlah Perbelanjaan** | | **8,178,665** | **3,142,239** |
| **LEBIHAN PENDAPATAN** | | **17,709,141** | **7,484,341** |

# Penyata **Perubahan Ekuiti**

bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2012

| | 2012<br>RM |
|---|---|
| **Pada 1 Jun 2011** | – |
| Lebihan Pendapatan | 7,484,341 |
| **Baki pada 31 Disember 2011** | 7,484,341 |
| Lebihan Pendapatan | 17,709,141 |
| **Baki pada 31 Disember 2012** | **25,193,482** |

# Penyata **Aliran Tunai**

bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2012

| | 2012<br>RM | 2011<br>RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | |
| Lebihan Pendapatan | 17,709,141 | 7,484,341 |
| Pelarasan: | | |
| Susutnilai | 77,416 | 24,301 |
| Faedah Simpanan Tetap dan Faedah Bank | (472,038) | (47,975) |
| LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM PERUBAHAN DALAM | 17,314,519 | 7,460,667 |
| MODAL KERJA | | |
| Pertambahan Pelbagai Penghutang | (344,418) | (36,488) |
| Pertambahan Pelbagai Pemiutang | 420,751 | 83,738 |
| TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI | 17,390,852 | 7,507,917 |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (824,881) | (391,980) |
| Faedah Simpanan Tetap dan Faedah Bank Diterima | 472,038 | 47,975 |
| TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PELABURAN | (352,843) | (344,005) |
| PENAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | 17,038,009 | 7,163,912 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN | 7,163,912 | – |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN** | 24,201,921 | 7,163,912 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:** | | |
| Wang Tunai dan Baki Bank | 5,973,481 | 4,161,117 |
| Simpanan Tetap | 18,228,440 | 3,002,795 |
| | 24,201,921 | 7,163,912 |

# Nota-Nota Kepada
# **Penyata Kewangan 2012**

## 1. Maklumat Am

1.1 Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada 1Jun2011 dibawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713).

1.2 Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31Disember2012 telah dilulusan oleh Anggota-anggota Suruhanjaya melalui resolusi pada 5 Ogos 2013.

## 2. Objektif Utama

Objektif Utama Suruhanjaya Persaingan Malaysia adalah untuk melaksana dan menguatkuasakan peruntukan Akta Persaingan 2010 serta mendidik orang ramai mengenai cara-cara bagaimana persaingan dapat memberi manfaat kepada pengguna dan ekonomi di Malaysia.

## 3. Dasar-dasar Perakaunan Utama

3.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian (Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian-PERS).

3.2 Suruhanjaya Persaingan Malaysia mendapat geran peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) daripada Kerajaan Malaysia berjumlah RM25,200,000 bagi menampung tanggungan kewangan dan perbelanjaan modal Suruhanjaya.

**3. Dasar-dasar Perakaunan Utama (sambungan)**

3.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai mengikut asas garis lurus berdasarkan tempoh anggaran hayat seperti berikut.

| | |
|---|---|
| Kenderaan Bermotor | 20% |
| Perabot dan Kelengkapan Pejabat | 10% |
| Buku | 10% |
| Komputer | 10% |

3.4 Susutnilai Aset

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, aset akan dinilai sama ada terdapat sebarang tanda susutnilai aset. Sekiranya terdapat sebarang tanda sedemikian, anggaran bagi jumlah aset yang diperolehi semula akan dilakukan. Kerugian susutnilai nilai akan diiktiraf jika jumlah dibawa sesebuah aset menjana tunainya melebihi jumlah aset yang diperolehi semula.

Jumlah yang diperolehi semula bagi sesuatu aset adalah nilai penggunaan dan harga jualan bersih yang lebih besar di mana ia diukur dengan menggunakan nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasanya.

Kerugian susutnilai nilai akan dicaj pada penyata pendapatan, kecuali terdapat pembalikan susutnilai nilai. Kerugian susutnilai nilai ditimbal balik hanya diiktiraf apabila jumlah aset dibawa tidak melebihi jumlah yang mungkin ditentukan sekiranya tiada kerugian susutnilai.

3.5 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi baki tunai dalam tangan, dan bank serta deposit berkecairan tinggi dan mampu ditukar kepada tunai tanpa risiko jangka pendek.

## 3. Dasar-dasar Perakaunan Utama (sambungan)

3.6 Pengiktirafan Pendapatan

Semua pendapatan Suruhanjaya Persaingan Malaysia diambil kira dalam Penyata Kewangan mengikut asas akruan kecuali Peruntukan Kerajaan Malaysia. Pendapatan Suruhanjaya Persaingan Malaysia terdiri daripada Peruntukan Kerajaan Malaysia, Faedah Simpanan Tetap dan Bank, Yuran Permohonan Pengecualian dan Yuran Seminar.

Peruntukan Kerajaan Malaysia yang diterima bagi tujuan kos projek pembangunan dan perbelanjaan mengurus dibuat serta diambil kira sebagai pendapatan.

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkaui tempoh matang.

Yuran Permohonan Pengecualian yang diterima adalah daripada entiti perniagaan yang memohon pengecualian daripada Akta Persaingan 2010.

Yuran Seminar yang diterima adalah daripada pelaksanaan program seminar yang berkaitan dengan Akta Persaingan 2010.

3.7 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. Suruhanjaya akan mempertimbangkan dan menilai risiko pengurusan kewangan yang dibangkitkan dari masa ke semasa.

i. Risiko Kadar Faedah

Suruhanjaya membiayai operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank.

ii. Risiko Kredit

Suruhanjaya tidak berurus niaga secara kredit yang material dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kredit.

**3. Dasar-dasar Perakaunan Utama (sambungan)**

3.7 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan (sambungan)

iii. Risiko Pertukaran Matawang Asing

Suruhanjaya tidak mempunyai urus niaga pertukaran mata wang asing dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing.

iv. Risiko Mudah Tunai

Suruhanjaya mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang berhemah bagi meminimakan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan serta untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

3.8 Manfaat Pekerja

i. Manfaat Jangka Pendek

Gaji, elaun, imbuhan, insentif dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun perkhidmatan yang berkaitan diberikan kepada pekerja.

ii. Pelan Caruman Tetap

Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") wajib dicarumkan mengikut perundangan di Malaysia. Caruman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan.

3.9 Cukai Pendapatan

Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah mendapat pengecualian cukai pendapatan daripada Kementerian Kewangan selama 5 tahun iaitu daripada tahun 2011 hingga 2015.

## 4. Hartanah, Loji dan Peralatan

| Kos | Kenderaan Bermotor | Perabot dan Kelengkapan Pejabat | Buku | Komputer | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Jun 2012 | 336,466 | 22,361 | 16,988 | 16,165 | 391,980 |
| Tambahan Tahun Semasa | 182,900 | 144,089 | 73,385 | 424,507 | 824,881 |
| Baki pada 31 Disember 2012 | 519,366 | 166,450 | 90,373 | 440,672 | 1,216,861 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | |
| Baki pada 1 Jun 2012 | 23,027 | 729 | 25 | 520 | 24,301 |
| Susutnilai Tahun Semasa | 67,393 | 3,052 | 4,053 | 2,918 | 77,416 |
| Baki pada 31 Disember 2012 | 90,420 | 3,781 | 4,078 | 3,438 | 101,717 |
| Nilai Buku Bersih | 428,946 | 162,669 | 86,295 | 437,234 | 1,115,144 |

| Kos | Kenderaan Bermotor | Perabot dan Kelengkapan Pejabat | Buku | Komputer | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| Pada 1 Jun 2011 | - | - | - | - | - |
| Tambahan Tahun Semasa | 336,466 | 22,361 | 16,988 | 16,165 | 391,980 |
| Baki pada 31 Disember 2011 | 336,466 | 22,361 | 16,988 | 16,165 | 391,980 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | |
| Pada 1 Jun 2011 | - | - | - | - | - |
| Susutnilai Tahun Semasa | 23,027 | 729 | 25 | 520 | 24,301 |
| Baki pada 31 Disember 2011 | 23,027 | 729 | 25 | 520 | 24,301 |
| Nilai Buku Bersih | 313,439 | 21,632 | 16,963 | 15,645 | 367,679 |

## 5. Deposit dan Prabayar

| | 2012<br>RM | 2011<br>RM |
|---|---|---|
| Deposit sewa tempat letak kereta | - | 1,320 |
| Deposit elektrik | 76,851 | 5,000 |
| Lain-lain deposit dan cagaran | 137,821 | 13,520 |
| Prabayar | 4,198 | 4,198 |
| | 218,870 | 24,038 |

## 6. Simpanan Tetap

| | 2012<br>RM | 2011<br>RM |
|---|---|---|
| Bank Kerjasama Rakyat | 8,693,517 | 3,002,795 |
| Malaysia Building Society Berhad | 9,534,923 | - |
| | 18,228,440 | 3,002,795 |

Kadar faedah bagi simpanan tetap adalah diantara 3.20% - 3.50% dan tempoh simpanan adalah di antara 1 hingga 6 bulan.

## 7. Wang Tunai dan Baki Bank

| | 2012<br>RM | 2011<br>RM |
|---|---|---|
| Tunai dalam tangan dan bank | 5,973,481 | 4,161,117 |

## 8. Faedah Simpanan Tetap

| | 2012<br>RM | 2011<br>RM |
|---|---|---|
| Bank Kerjasama Rakyat | 236,010 | 15,245 |
| Malaysia Building Society Berhad | 139,222 | - |
| | 375,232 | 15,245 |

## 9. Perbelanjaan Pentadbiran

| | 2012<br>RM | 2011<br>RM |
|---|---|---|
| Minyak Petrol | 21,454 | 4,699 |
| Perbelanjaan Pejabat | 1,880,244 | 25,053 |
| Lain-Lain Cukai | 25,557 | - |
| Duti Setem | 5,978 | - |
| | 1,933,233 | 29,752 |

## 10. Perbelanjaan Pembangunan

| | 2012<br>RM | 2011<br>RM |
|---|---|---|
| Latihan Pembangunan Kapasiti | 543,329 | 56,430 |
| Program Advokasi | 732,688 | 440,734 |
| Pembangunan ICT dan Laman Web | 231,851 | 24,732 |
| Perancangan Media dan Komunikasi | 1,120,607 | 648,505 |
| Penyelidikan | 557,694 | 455,141 |
| | 3,186,169 | 1,625,542 |

# Cara membuat burung jenjang origami



**1.**
Ambil sehelai kertas biasa bersaiz A4 dan potongkan menjadi segi empat sama. Lipat separuh dari bucu ke bucu menjadi segi tiga.



**2.**
Lipat sekali lagi dari kanan ke kiri.



**3.**
Buka lipatan poket dari dalam ke luar untuk membentuk segi empat kecil.



**4.**
Kertas anda sepatutnya kelihatan seperti ini. Sekarang, terbalikkannya untuk memulakan langkah kelima.




**5.**
Lipat dari titik B ke titik A, pada masa yang sama, lipat ke dalam supaya titik C bertemu titik D.



**6.**
Langkah ini agak rumit. Lipat bucu kiri dan kanan ke dalam, iaitu di sepanjang garisan putih. Kemudian, lipat bucu bahagian atas ke bawah, sepanjang garisan biru.



**7.**
Nota: Langkah ke-6 akan membentuk kesan berlipat. Kertas anda sepatutnya kelihatan seperti ini.



**8.**
Sekarang, buka poket dengan menarik sudut bawah dan masukkannya ke dalam di sepanjang kesan lipatan. Beberapa kesan lipatan akan menjadi terbalik.



**9.**
Kertas anda sepatutnya kelihatan seperti ini. Kemaskan bahagian tepi dan bucu dengan cermat. Terbalikkan kertas dan ulangi Langkah 6, 7 dan 8 di bahagian sebelah.



**10.**
Lipat bahagian sayap di bahagian bawah masuk ke dalam. Sekarang anda sudah mempunyai bentuk asas. Origami anda kini separuh siap dan langkah seterusnya akan menjadi lebih mudah.



**11.**
Pastikan bahagian yang betul menghadap ke atas dan lipat lapisan atas sahaja masuk ke dalam.



**12.**
Kertas anda sepatutnya kelihatan seperti ini. Terbalikkannya.



**13.**
Ulangi Langkah 11. Agak sukar? Jangan berputus asa, anda hampir siap!



**14.**
Lipat secara terbalik di sepanjang garisan putus-putus untuk membentuk kepala burung jenjang.



**15.**
Buka sedikit di bahagian tepi dan tarik ke atas seperti di dalam rajah.



**16.**
Tarik ke atas mengikut anak panah dan tekan lipatan menjadi kemas. Ulangi langkah yang sama di bahagian sebelah untuk membentuk ekor burung jenjang.



**17.**
Lipat secara terbalik di sepanjang garisan titik untuk membentuk paruh. Anda boleh menyesuaikan panjang paruh seperti yang dikehendaki.



**18.**
Bengkokkan sayap ke bawah dan ke luar pada kedudukan yang betul. Anda boleh lengkungkannya dari bawah.

**19.**
Burung jenjang sudah siap.



Potong garisan terputus

***www.mycc.gov.my***

Aras 15, Menara SSM@Sentral, No.7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.
Tel: +603-2273 2277 Faks: +603-2272 2293 Emel: enquiries@mycc.gov.my
www.facebook.com/theMyCC
www.youtube.com/MyCompetitionNews